



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	02.12.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JMG			



KETUA Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, Mohamad Idris meninjau kesan tanah runtuh di Taman Bukit Belian, Seremban.
- Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

3 kereta masuk cerun

Seremban: Seorang penduduk di Taman Bukit Berlian di sini, terkejut selepas tiga kereta milik keluarganya menggelongsor ke cerun sedalam 10 meter di hadapan rumahnya, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 2.50 pagi, jalan di hadapan rumah penduduk di Jalan Berlian 5 juga merekah kira-kira 80 meter dengan kedalaman mencecah 0.6 meter.

Penduduk, Jessica Lee, 28, berkata, ketika kejadian semua ahli keluarga sudah tidur, namun dikejutkan dengan bunyi bising daripada

rumah jiran yang mendakwa terdapat kereta yang terjatuh ke dalam cerun.

“Saya kemudiannya segera bangun dan mengejutkan ahli keluarga lain sebelum bergegas keluar dan mendapati tiga kereta kami yang diletakkan di seberang jalan di hadapan rumah sudah berada di kawasan runtuhan cerun.

“Kami semua takut lebih-lebih lagi jalan juga merekah seperti mahu runtuh. Kami tidak dapat tidur sehingga ke pagi ini (semalam),” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

HM021222_2

